

04 MAR 1999

Sultan-Bersiram

ISTIADAT BERSIRAM MULAKAN MAJLIS PERTABALAN SULTAN

KUALA TERENGGANU, 4 Mac (Bernama) -- Majlis pertabalan Sultan Terengganu ke-16 dimulakan dengan Istiadat Bersiram Tabal di Istana Maziah di sini hari ini.

Sultan Mizan Zainal Abidin dan Permaisuri Nur Zahirah berangkat ke istiadat itu pada pukul 8 pagi sebelum naik ke Panca Persada tempat bersiram diadakan.

Baginda berdua diiringi 48 penjawat yang membawa Lembing Berambu, Lembing Pengawal dan Payung Obor-obor diikuti dengan kerabat diraja yang lain ke tempat bersiram itu. Pasukan Nobat mendahului pembawa yang lain dengan memainkan lagu 'Iskandar'.

Majlis bersiram dimulakan pada pukul 8.10 pagi apabila Sultan dan Permaisuri berada di atas Panca Persada dengan empat daripada kerabat raja perempuan mengambil tapisan manakala dua kerabat raja perempuan lain mengambil air yang diisi di dalam terenang (bekas air) untuk dimulakan majlis itu.

Antara peralatan dan jenis air untuk bersiram tabal itu ialah Kain Tapisan, Kain Petap Tubuh, Air Limau Langir, Air Emas, Air Perak, Air Bunga-bunga dan Air Persiraman. Sepanjang majlis itu nobat dipalukan dengan lagu 'Palu-palu Melayu'.

Selesai majlis itu, Tengku Sri Raja menghadap Sultan Terengganu untuk meletakkan Panca Bicara di ulu Sultan dan Permaisuri Nur Zahirah.

Selepas upacara meletak Panca Bicara disempurnakan, nobat dipalu semula dan meriam ditembak 21 das.

Istiadat itu tamat pada pukul 8.30 pagi dan pasangan Sultan dan Permaisuri kemudian berangkat semula ke Istana Maziah.

Turut hadir pada majlis itu ialah kerabat diraja, Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan isteri, Puan Sri Aishahtun Suhaimi dan anggota majlis mesyuarat kerajaan negeri. Orang ramai turut berada di luar istana untuk mengikuti majlis itu.

Petang ini, Istiadat Pertabalan akan dimulakan pada pukul 2 petang di tempat yang sama (Istana Maziah).

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual hadir di majlis itu sebagai mewakili Yang di-Pertuan Agong.

-- BERNAMA

SBS AKD